

Bahagian A

Sistem Bahasa dan Pemahaman Teks

Soalan 1 - 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Yahaya minum beberapa _____ air untuk menghilangkan dahaga.
A tongkol C titis
B tangkal D teguk
2. Beliau _____ bintang kebesaran oleh Sultan dalam majlis rasmi itu.
A dianugerahkan
B dianugerahi
C menganugerahkan
D menganugerahi
3. Mak Minah _____ halus daging lembu itu untuk dijadikan inti karpap.
A memotong C mencincang
B menghiris D membelah

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah ini.



4. Abang mengait se _____ rambutan menggunakan se _____ galah.
A gugus ... batang
B biji ... berkas
C tangkai ... papan
D mayang ... ikat

Soalan 5 - 6

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

5. Masalah yang berlaku di syarikat itu
A
dapat diselesaikan dengan cepat kerana
B
kakitangan syarikat bekerjasama untuk
C
mengatasinya. Tiada kesalahan.
D
6. Kami sampai lewat di sekolah kerana bas
A
sekolah yang kami naiki telah melalui
B C
kerosakan. Tiada kesalahan.
D

Soalan 7- 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Cita-citanya untuk menjadi seorang doktor semakin *marak* setelah berjaya melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan.
II Beberapa orang anggota bomba berusaha untuk mengawal api yang sedang *marak* di bangunan itu.
III Tarian artis itu semakin *marak* sehingga memukau para penonton.



IV Kehidupan nelayan itu semakin hari semakin *marak* ekoran musim tengkujuh.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

8. I Encik Zul berusaha untuk mencari *jalan* penyelesaian bagi mengatasi masalah hutangnya itu.
- II Ibu menasihati abang supaya berhati-hati ketika melalui *jalan* yang gelap di kawasan itu.
- III Dia *jalan* kehidupan yang tenang setelah memperoleh pekerjaan di syarikat pengiklanan itu.
- IV Saya teringat kembali *jalan* hidup saya dahulu yang berliku-liku.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

9. Nek Sinah mengurut-urut kakinya yang lenguh itu sambil menyapu minyak angin.
- A mengurut-mengurut kakinya kerana lenguh
 - B urut-mengurut kakinya yang lenguh
 - C urut-urut kakinya kerana lenguh
 - D mengurut-urut kakinya yang lenguh
10. Tiap orang yang mengunjungi ke pameran buku itu akan mendapat hadiah istimewa.
- A Setiap orang yang mengunjungi
 - B Setiap orang yang berkunjung
 - C Tiap orang yang berkunjung
 - D Tiap orang yang mengunjungi

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I Memotong baju kebaya itu tidak sesuai dengan bentuk badan Ameera.
- II Kompleks beli-belah itu mengadakan jualan murah bersempena dengan musim perayaan.
- III Bunyi yang terlalu bising dari tapak pembinaan itu membuatkan ibu sakit kepala.
- IV Permintaan masyarakat terhadap buah-buahan tempatan semakin meningkat.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
12. I Ravin menegaskan yang dia akan melanjutkan pelajaran di universiti tempatan.
- II Banyak barangan lama yang berharga tersimpan di dalam bilik itu.
- III "Sementara belum mendapat pekerjaan tetap, buatlah kerja-kerja sampingan dahulu," nasihat ayah kepada kakak.
- IV Pohon yang merimbun di tepi sawah itu menjadi tempat berteduh para petani.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Tiada rotan, akar pun berguna

13. Peribahasa di atas bermaksud
- A sesiapa yang rajin berusaha akan memperoleh rezeki.
 - B kalau tiada yang baik, maka yang kurang baik pun boleh juga.
 - C sengaja mencari masalah yang menyusahkan diri sendiri.
 - D sesuatu yang hilang secara tiba-tiba.